

Thailand, Kemboja laksanakan gencatan senjata tanpa syarat

BERITA HARIAN 29 JUL 2025

m/s: 2

Persetujuan dicapai pada mesyuarat khas dihoskan Anwar selaku Pengerusi ASEAN

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Thailand dan Kemboja sepakat melaksanakan gencatan senjata tanpa syarat bermula tengah malam tadi, sebagai langkah penting ke arah meredakan ketegangan dalam usaha mengembalikan keamanan serta merta di sempadan kedua-dua negara itu.

Persetujuan itu dicapai pemimpin kedua-dua negara itu pada mesyuarat khas dihoskan Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Pengerusi ASEAN dengan Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet dan Pemangku Perdana Menteri Thailand, Phumtham Wechayachai.

Pada sidang media bersama ketiga-tiga pemimpin terbabit selepas mesyuarat khas bersejarah itu, Anwar berkata, kedua-dua negara berjiran itu bersetuju melaksanakan beberapa langkah susulan gencatan senjata yang dipersetujui.

"Ia termasuk mengadakan mesyuarat tidak rasmi di antara pemerintah tentera Wilayah Satu dan Dua bagi pihak Thailand dan Wilayah Empat serta Lima bagi pihak Kemboja bermula jam 7 pagi esok (hari ini).

"Selain itu, mesyuarat bersama atase pertahanan yang akan dipengerusikan ASEAN akan diadakan jika dipersetujui oleh kedua-dua pihak," katanya.

Anwar berkata, kedua-dua negara turut bersetuju mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Sempadan Umum (GBC) pada 4 Ogos ini yang akan dihoskan oleh Kemboja.

Katanya, kedua-dua pihak juga bersetuju menyambung semula komunikasi secara langsung di antara Perdana Menteri, Menteri Luar dan Menteri Pertahanan masing-masing.

"Menteri Luar dan Menteri Pertahanan Malaysia, Kemboja dan Thailand diarah membangunkan mekanisme terperinci bagi pelaksanaan, pengesahan dan pelaporan berkaitan gencatan senjata.

"Mekanisme ini akan menjadi asas kepada keamanan berkekalan dan kebertanggungjawaban bersama," katanya.

Malaysia selaras pemantauan
Perdana Menteri berkata, sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia juga bersedia menyelaras pasukan pemantau bagi mengesahkan dan memastikan pelaksanaan gencatan senjata yang dipersetujui itu.

Jelasnya, Malaysia juga akan berunding dengan negara anggota ASEAN lain untuk turut serta dalam usaha pemantauan ini, mencerminkan komitmen serantau dalam menyokong keamanan di lapangan.

"Perdana Menteri, Hun Manet dan Pemangku Perdana Menteri, Phumtham Wechayachai menyatakan pendirian dan kesediaan mereka untuk melaksanakan gencatan senjata serta-merta dan

mengembalikan keadaan kepada normal," katanya.

Selain itu, Anwar berkata, Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump turut menghubungi kedua-dua pemimpin berkenaan dan menggesa supaya penyelesaian secara aman dicapai.

"China pula terus menjalin hubungan rapat dengan Kemboja, Thailand, Malaysia serta negara berkaitan lain untuk menggalakkan dialog, gencatan senjata dan pemulihan keamanan.

"Kehadiran dan kerjasama semua pihak mencerminkan komitmen bersama terhadap keamanan, dialog dan kestabilan serantau," katanya.

Terdahulu, Anwar selaku hos, Pengerusi ASEAN dan saksi mempengerusikan mesyuarat khas yang berlangsung kira-kira dua jam di antara kedua-dua pemimpin negara itu bermula pada pukul 3.15 petang.

Mesyuarat itu turut disertai Duta Besar AS ke Malaysia, Edgard D Kagan sebagai penganjur bersama mesyuarat khas dan Duta Besar China ke Malaysia, Ouyang Yujing sebagai pemerhati.

Anwar pada minggu lalu mencadangkan perjanjian damai antara kedua-dua pihak susulan konflik sempadan yang tercetus baru-baru ini.

Ketegangan mula meningkat sejak insiden pada 28 Mei apabila tentera Kemboja dan Thailand bertempur di kawasan Preah Vihear yang mengorbankan seorang anggota tentera Kemboja.

Selama beberapa dekad, kedua-dua negara anggota ASEAN itu terbabit dalam pertikaian berpanjangan berkaitan sempadan sepanjang 817 kilometer yang masih belum dimuktamadkan.